

Akademika 88(1), April 2018:193-207

<https://doi.org/10.17576/akad-2018-8801-14>

Anjakan Paradigma dalam Kajian Keselamatan Insan di Asia Tenggara

Paradigm Shift on Human Security Research in Southeast Asia

BAKRI MAT, ZARINA OTHMAN & MOHD KAMAL OMAR

ABSTRAK

Isu keselamatan, sama ada yang berbentuk tradisional ataupun bukan tradisional masih terus diperdebatkan hingga kini. Persoalannya, bagaimanakah pendekatan kajian keselamatan mempengaruhi landskap politik terutamanya di Asia Tenggara? Asia Tenggara amat relevan untuk di selidik kerana kepelbagaian isu yang masih belum reda seperti terorisme dan kemiskinan. Isu ini boleh mempengaruhi kestabilan rantau ditambah dengan kepelbagaian sistem politik dan ekonomi negara yang kompleks. Kajian ini menghujahkan bahawa walaupun negara di rantau ini terkebelakang dalam mengaplikasi konsep keselamatan insan, namun kes empirik menunjukkan ada yang telah berjaya mengarusperdanakannya seperti Thailand dan Filipina. Walau bagaimanapun, dalam konteks rantau Asia Tenggara, apa yang lebih menyedihkan adalah kerana kedua-dua pelaku negara dan pelaku bukan negara menjadi ancaman terhadap kelangsungan insan. Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai semula konsep keselamatan insan serta mengenal pasti perkembangan baru dan wacana di rantau Asia Tenggara. Kajian ini menggunakan analisis kandungan untuk menganalisis data-data primer dari sumber rasmi dan juga data sekunder dari sumber bercetak dan dalam talian. Hasil kajian menunjukkan walaupun ancaman terhadap negara merentas sempadan adalah semakin signifikan, implikasi terhadap kemanusiaan pula sering diabaikan kerana kesukaran berkompromi dalam isu kedaulatan negara. Jika era Perang Dingin berakhir dengan tiada pemenang antara dua kuasa besar, implikasinya telah mengorbankan banyak nyawa dalam siri peperangan proksi. Sebaliknya, dalam era selepas Perang Dingin, ancaman-ancaman yang timbul adalah lebih langsung menjejaskan manusia sejagat. Oleh itu, adalah wajar konsep keselamatan insan diperluas dan disuntik dengan elemen undang-undang dan kebertanggungjawaban dalam konteks masyarakat sivil untuk membolehkan keselamatan turut diterjemahkan kepada peningkatan kualiti hidup yang lebih baik, dan bukan semata-mata hanya untuk kejutan sebuah rejim dan negara.

Kata kunci: Asia Tenggara; kelangsungan hidup; keselamatan insan; masyarakat sivil; undang-undang

ABSTRACT

Traditional and non-traditional security issues continue to be debated until today. The question raised is, how does security studies approach influence the political landscape particularly in the Southeast Asia region? Southeast Asia region is highly relevant to be examined due to a range of unsettled issues such as terrorism and poverty. These issues influence the stability of the region due to latter political and economic diversity and complexity. This study argues that, although states are lagging behind in applying the concept of human security in the region, the empirical evidence has shown that there are successful cases in mainstreaming the concept as was done by Thailand and the Philippines. In addition, this region also note that , , both state and non-state actors are becoming threats to human security. The objectives of this study are to re-assess human security concept as well as to identify new developments and discourse in the Southeast Asian region. This study employs content analysis using official primary data as well as printed online secondary sources. Findings from the study reveals that although cross-border threats are increasing, the implications for humanity are often ignored due to the inability to compromise with national sovereignty issues. The

Cold War ended with no victory between two major powers however causing loss of lives in the proxy wars. On the other hand, in the post Cold War, the threats are directly affected the humanity as a whole. Hence, this merit an expansion of the concept of human security and an incorporation of the elements of law and accountability within the context of civil society. It also enables security to be translated as to improve quality of life and not merely to support the existence of a regime or a state.

Keywords: Southeast Asia; survival; human security; civil society; law

PENGENALAN

Perang Dingin¹ telah lebih dua dekad berlalu namun isu keselamatan masih terus diperdebatkan. Justeru, bagaimanakah pendekatan kajian keselamatan mempengaruhi landskap politik terutama di Asia Tenggara? Asia Tenggara amat relevan untuk di selidik kerana kepelbagaian isu yang masih belum reda, antaranya terorisme, krisis makanan, kemiskinan, bencana alam, pendemokrasian, pelarian suaka dan sebagainya. Isu ini mungkin boleh mempengaruhi kestabilan rantau ditambah dengan kepelbagaian sistem politik, ekonomi, agama, bangsa dan tamadun yang kompleks. Begitu juga dengan perubahan global seperti kejadian serangan pada tanggal 11 September 2001 di Amerika Syarikat, tsunami 2004 dan krisis makanan 2008 yang mengancam kelangsungan hidup insan.

Kelahiran konsep keselamatan insan mewakili peluasan signifikan terhadap konsep 'keselamatan menyeluruh' yang secara umumnya diterima dan digunakan oleh beberapa negara di rantau Asia Tenggara seperti Singapura dan Malaysia. Konsep keselamatan menyeluruh yang merangkumi dimensi ketenteraan, politik, ekonomi dan sosiobudaya dianggap sebagai memberi kelebihan kepada keselamatan rejim berbanding keselamatan individu atau insan (Cabalero-Anthony 2004; Amitav 2001). Hakikatnya, ia masih berorientasikan negara, sedangkan ancaman kini adalah ancaman langsung terhadap keselamatan insan. Kajian ini menghujahkan walaupun negara di rantau ini terkebelakang dalam mengaplikasi konsep keselamatan insan, namun kes empirik menunjukkan ada yang telah berjaya mengarusperdanakannya. Thailand telah mewujudkan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keselamatan Insan, sementara Malaysia pula menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Namun yang lebih menyedihkan kedua-dua pelaku negara dan pelaku bukan negara menjadi ancaman

terhadap kelangsungan insan. Objektif utama kajian ini ialah untuk meneroka perkembangan terkini wacana dan konsep keselamatan insan dan mengenalpasti bagaimana isu kontemporari di Asia Tenggara memaparkan satu perubahan yg baharu dalam kajian keselamatan insan. Untuk mencapai objektif tersebut, kaedah penyelidikan kualitatif telah digunakan dengan menganalisa data-data primer dan sekunder sama ada dalam bentuk bahan bercetak atau dalam talian. Dokumen rasmi seperti laporan dan data sekunder seperti penerbitan ilmiah dan makalah semasa menjadi rujukan utama dalam penulisan. Sumber-sumber ini dianalisa menggunakan kaedah analisis kandungan, dimana pemerhatian khusus diberikan kepada tema-tema tertentu yang relevan seperti wacana keselamatan, konsep keselamatan insan, isu-isu, wacana dan cabaran-cabaran dalam menangani ancaman terhadap keselamatan insan di rantau di Asia Tenggara.

EVOLUSI KONSEP KESELAMATAN

Dalam kajian Hubungan Antarabangsa (HA), konsep keselamatan sering dilihat dilihat dari perspektif keselamatan negara. Keselamatan negara diberikan keutamaan kerana andaian bahawa keselamatan individu akan terjamin sekiranya keselamatan negara terpelihara. Perspektif ini amat popular sebagai pendekatan arus perdana dalam memahami disiplin HA dalam era Perang Dingin. Secara umumnya, dari segi pendekatan teoritikal sejak dari Perang Dunia Kedua, wacana tentang teori HA lebih tertumpu kepada realisme dan idealism, dan kemudiannya berubah menjurus kepada perdebatan antara aliran neorealisme dan neoliberalisme pada tahun 1980an yang bercanggah mengenai suasana sebenar politik antarabangsa dan perubahan ke arah keamanan. Walaupun kedua-dua pendekatan ini berbeza, namun mereka masih berkongsi dua andaian yang

asas, iaitu negara mempunyai kepentingan yang tetap dan keupayaan untuk memperjuangkan kepentingan itu dibatasi oleh kuasa material seperti geografi, teknologi dan pengagihankuasa (Nor Azizan, Zarina & Rashila 2011).

Menurut perspektif realisme, istilah keselamatan disamakan dengan kepentingan menjaga kelangsungan negara. Manakala, kepentingan negara diukur dari sudut kuasa. Pemikiran ini telah menyediakan asas politik kepada kewujudan konsep strategi cegah rintang yang telah mendominasi perbincangan isu-isu keselamatan dan polisi negara sepanjang era Perang Dingin. Persekitaran antarabangsa dari perspektif realisme dan neorealisme, berada dalam keadaan anarki di mana konflik adalah endemik dan keselamatan hanya boleh dicapai melalui kuasa dan ketenteraan. Keamanan hakiki adalah mustahil tetapi yang paling hampir dicapai ialah kestabilan yang terhasil melalui pembentukan pakatan antara negara untuk mengimbangi ancaman kuasa hegemoni. Terdapat juga pandangan lain bahawa kewujudan pakatan adalah tidak stabil kerana musuh juga akan membentuk pakatan untuk mengimbangi kewujudan pakatan tersebut (Jackson & Sørensen 2013).

Para pendokong aliran neorealisme telah mengembangkan hujahan untuk mengukuhkan teori seiring dengan kewujudan neoliberalisme, pendekatan alternatif dalam HA. Pendekatan ini muncul sebagai evolusi daripada teori realisme klasik yang berhujah bahawa kuasa adalah faktor yang paling penting dalam HA. Neorealisme menolak penggunaan premis asas seperti elemen sifat manusia dalam menganalisa politik antarabangsa. Sebaliknya, para pemikir neorealisme mencadangkan penggunaan keterbatasan struktur sebagai faktor penentu tingkahlaku pelaku dalam HA. Neorealisme berhujah bahawa struktur semulajadi antarabangsa ditentukan mengikut kedudukan, bersifat anarki tanpa autoriti kuasa pusat dan pengagihan keupayaan adalah dinilai dari sudut bilangan kuasa besar dalam sistem tersebut. Setiap negara adalah berdaulat dan bertindak berpandukan logik untuk menjaga kepentingan masing-masing. Kelangsungan dan kepentingan nasional dalam sistem anarki ini telah mempengaruhi pola tingkahlaku negara, yang akhirnya mengakibatkan negara memilih membangunkan kemampuan ofensif ketenteraan bagi meningkatkan kuasa relatifnya. Senario ini kemudian mengakibatkan wujud suasana saling

tidak percaya dan ketidaktentuan, yang dinamakan sebagai dilema keselamatan (Jackson & Sørensen 2013).

Dengan berakhirnya era Perang Dingin (1946-1989), ia telah memberikan kesan kepada realisme. Ini akhirnya menyediakan ruang kepada kelahiran aliran alternatif dalam sub-bidang pengajian keselamatan khususnya, melalui usaha meluaskan dan memperdalam tumpuan perbincangan kajian keselamatan yang sebelum ini dilihat dari sudut yang sempit dengan berpaksikan negara sebagai unit analisis utama. Buzan (1991) mengkritik konsep keselamatan yang dilihat sebagai lebih menjurus untuk menjaga kelangsungan, mengekalkan integriti dan kedaulatan negara dalam menghadapi pihak yang dianggap musuh. Beliau telah mencadangkan lima dimensi keselamatan yang saling berkaitan dalam kerangka konsep yang menyeluruh, termasuk ketenteraan, politik, ekonomi, masyarakat dan alam sekitar. Walaupun disanggah oleh pendokong teori berpaksikan negara sebagai menjejaskan keutuhan nilai akademik dan ciri sebenar disiplin kajian keselamatan, itulah yang menggambarkan situasi selepas tamatnya Perang Dingin.

Teori arus perdana seperti realisme dan idealisme juga telah dikritik kerana tidak mampu menerangkan fenomena yang berlaku dalam politik antarabangsa sepanjang tahun 1990-an. Dalam tahun-tahun tersebut, hampir 30 peperangan berlaku yang kebanyakannya adalah merupakan perang saudara. Selama ini teori realisme menganggap hanya negara merupakan aktor penting dalam konflik antarabangsa dan ancaman dari luar menjadi tumpuan paling utama. Sedangkan liberalisme pula banyak memberi penekanan pada kepentingan kerjasama antarabangsa. Kedua-dua teori ini secara praktikalnya tidak dapat menerangkan peperangan yang berlaku ini terutama sekali mengenai konflik ganas di antara kumpulan etnik, agama, atau kumpulan kelas sosial yang lebih menjurus kepada ancaman dari dalam dan bukannya luaran sebuah negara (Nor Azizan, Zarina & Rashila 2011).

Perbincangan mengenai proses peluasan tumpuan konsep keselamatan ini membuka ruang kepada perdebatan dan kemunculan konsep keselamatan insan. Perkembangan ini menjadi titik penting kepada penerimaan elemen bukan tradisional menjadi sebahagian daripada elemen ancaman terhadap keselamatan di setiap peringkat, sama ada global, negara, komuniti dan individu. Negara-negara Asia, khususnya Asia Tenggara,

amat sinonim dengan paradigma keselamatan negara dari perspektif realisme yang menekankan kepentingan perimbangan kuasa dan juga sistem sendiri (Nishikawa 2009). Dua faktor yang menyebabkan situasi seperti ini berlaku. Pertama, untuk memelihara kedaulatan negara yang secara relatifnya baru saja memperoleh kemerdekaan; kedua, pelaksanaan amalan demokrasi yang tidak konsisten oleh kebanyakan negara di rantau ini. Walaupun rantau ini telah mengalami perkembangan pesat dengan pertumbuhan ekonomi, risiko konflik bersenjata masih wujud dan serius di kebanyakan kawasan. Dari sudut sejarah pula, ada negara di rantau ini yang terlibat dalam peperangan 'antarabangsa'. Terdapat banyak isu yang belum selesai seperti pertindihan tuntutan terhadap beberapa kepulauan di Laut China Selatan seperti kepulauan Spratly, kepulauan Paracel, sempadan laut di sekitar Teluk Tonkin dan juga kepulauan Natuna yang turut membabitkan China. Walaupun kejatuhan Kesatuan Soviet dan pengunduran Amerika Syarikat dari rantau ini mendatangkan impak positif, perkembangan China sebagai sebuah kuasa besar rantau telah mencetuskan dilema keselamatan di kalangan negara-negara serantau. Di peringkat domestik pula, oleh kerana keadaan masyarakatnya yang plural, negara-negara ASEAN juga cenderung melihat perpecahan politik, etnik dan rantau sebagai titik kelemahan (Nishikawa 2009).

KONSEP KESELAMATAN INSAN: ANJAKAN PARADIGMA?

Keselamatan insan pertama kali digunakan dalam Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) oleh Setiausaha Agungnya ketika itu ialah Boutros-Boutros Ghali di dalam laporan bertajuk *Agenda for Peace* (1992). Konsep ini menjadi isu perdebatan sejak pertama kali muncul dan digunakan dalam *Human Development Report (HDR)* 1994, bertajuk '*A New Dimension on Human Security*'. Kofi Annan kemudian mengukuhkan kepentingan konsep keselamatan insan apabila menggunakan istilah tersebut dalam beberapa siri laporan dan deklarasi penting yang dikeluarkan oleh badan dunia seperti *Millennium Declaration* (1999), laporan *High-level Panel on Threats, Challenges and Change* (2004), dan laporan *In Larger Freedom: Towards Development, Security and Human Rights for*

All (2005). Konsep keselamatan insan juga telah diiktiraf secara rasmi dalam dokumen akhir Sidang Kemuncak Dunia (2005) dan Persidangan Perhimpunan Agung 2008 dengan tajuk *Thematic Debate on Human Security*.

Terdapat beberapa ciri penting yang memberikan identiti terhadap konsep keselamatan insan. Pertama, konsep keselamatan insan adalah bersifat universal, pelbagai dimensi (*multi-dimensional*). Konsep keselamatan insan juga berciri multi-dimensi kerana ia menawarkan pendekatan yang bersepadu dan penganalisaan yang merentasi sempadan bidang ilmu sebagai alternatif kepada pendekatan tradisi yang bersifat sektoral, terpisah kepada sektor-sektor tertentu yang spesifik seperti keselamatan, pembangunan, hak asasi manusia dan keamanan. Kedua, komponen keselamatan insan ialah saling bergantung. Ia merujuk kepada situasi di mana penduduk di lokasi yang berbeza adalah saling memerlukan di antara satu sama lain. Sebagai contoh, jika penduduk di sesuatu tempat mengalami bencana, penduduk di negara-negara lain juga akan merasai tempiasnya seperti seperti isu-isu kebuluran, penyebaran wabak penyakit, pencemaran alam sekitar, kemeleketan ekonomi dan ancaman pengganas. Ketiga, keselamatan insan lebih mudah ditangani melalui pencegahan awal. Dalam bentuk polisi, pihak pemerintah seharusnya menggubal polisi yang boleh menjamin kesejahteraan rakyat sejak dari awal sebelum merebak. Keempat, ia berorientasi manusia, iaitu memberi tumpuan kepada keselamatan individu atau komuniti (UNDP 1994; Mack 2004). Perspektif ini amat berbeza daripada pandangan realisme khususnya kerana konsep keselamatan insan meletakkan negara sebagai alat atau mekanisme untuk membolehkan objektif keselamatan individu dicapai dalam kerangka besar politik antarabangsa.

Dalam sesetengah keadaan, negara turut menjadi punca ancaman kepada kehidupan individu. Menurut Rummel (1994: 9) dalam tempoh 88 tahun pertama pada abad ke 20, hampir 170 juta orang telah kehilangan nyawa kerana tindakan kerajaan sendiri melalui pelbagai cara seperti penyiksaan, menggantung, menyembelih dan sebagainya. Angka sebenar kematian yang berlaku melalui cara ini boleh mencapai 360 juta orang. Angka kematian ini adalah empat kali lebih tinggi berbanding dengan angka kematian di medan peperangan di antara negara dan dalam negara dalam tempoh yang sama. Premis utama

definisi ini ialah (i) ia merangkumkan tumpuan kepada kebebasan dari ketakutan dan kebebasan dari kemahuan; dan (ii) penekanan kepada elemen universal, kebergantungan, pencegahan dan juga pemusatan orientasi terhadap manusia yang akan dibincangkan secara lebih terperinci berikutnya (UNDP 1994). Keselamatan insan menekankan kepada dua aspek utama yang menjadi terasnya iaitu kebebasan dari kemahuan (*freedom from want*) dan kebebasan dari ketakutan (*freedom from fear*).

Kedua-dua teras di atas sebenarnya boleh dirujuk kepada sejarah penubuhan PBB yang termaktub dalam daripada Piagam Atlantik (1941: 2), yang antara lain menyatakan,

“(Sixth), after the final destruction of the Nazi tyranny, they hope to see established a peace which will afford to all nations the means of dwelling in safety within their own boundaries, and which will afford assurance that all the men in all lands may live out their lives in freedom from fear and want”.

Jaminan yang terkandung dalam pernyataan tersebut telah digunakan oleh Kuasa Pakatan untuk mengistiharkan peperangan dalam Perang Dunia Kedua. Istilah tersebut juga menjadi teras kepada penubuhan PBB yang tercetus daripada usul Persidangan San Francisco (1945). Dalam menjelaskan matlamat penubuhan PBB, Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Edward R. Stettinius Jr., secara spesifik menjelaskan,

“... the battle for peace has to be fought on two fronts. The first is the security front where victory spells freedom from fear. The second is the economic and social front where victory means freedom from want. Only victory on both fronts can assure the world of an enduring peace [...] No provisions that can be written into the Charter will enable the Security Council to make the world secure from war if men and women have no security in their homes and their jobs” (Okubo 2011: 22).

Kedua-dua idea itu kemudiannya menjadi asas kepada program PBB mengenai pembangunan dan hak asasi manusia sejak perlembagaannya ditandatangani pada tahun 1945. Untuk mencapai keamanan, terdapat dua syarat yang perlu dipenuhi iaitu, pembangunan manusia dan keselamatan insan. UNDP (1994) telah mendefinisikan

pembangunan manusia sebagai satu proses memperluaskan pelbagai pilihan individu dan keselamatan insan pula mewakili kemampuan individu atau seseorang untuk melaksanakan pilihan tersebut secara yang selamat dan bebas, dengan keyakinan bahawa pilihan-pilihan tersebut akan kekal. Bentuk-bentuk ancaman tersebut terbahagi kepada tujuh (7) komponen iaitu i) keselamatan ekonomi, ii) sekuriti makanan, iii) keselamatan kesihatan, iv) keselamatan alam sekitar, v) keselamatan personal, vi) keselamatan komuniti dan vii) keselamatan politik. Ancaman terhadap keselamatan insan bukan hanya wujud dari dalam sesebuah negara, tetapi juga melibatkan ancaman globalisasi seperti jurang peluang ekonomi yang tinggi, migrasi yang melampau, kemerosotan alam, bahaya dadah dan juga ancaman pengganas antarabangsa. UNESCO kemudiannya mengambil kira pentingnya elemen budaya untuk keamanan yang berkekalan (Rashila, Zarina, Nor Azizan & Sity 2012)

Hingga kini konsep keselamatan insan telah dan terus diperdebatkan dan dimaklumi oleh pelbagai disiplin dengan kajian yang menggunakan pelbagai kaedah penyelidikan oleh institusi antarabangsa seperti PBB dan para sarjana di seluruh dunia. Sebagai contoh, Laporan Penilaian Kelima (AR5) Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) telah mengetengahkan kepentingannya melalui penilaian terhadap kesan perubahan iklim secara sistematik yang pertama merentasi pelbagai dimensi keselamatan insan. Fokus oleh pihak berkuasa saintifik global ini membuktikan bahawa konsep keselamatan insan adalah relevan baik dari segi cara untuk menentukan perubahan persekitaran global, mahupun kaedah untuk menangani kesannya (Behnassi 2017:3-24).

Walau bagaimanapun, di sana juga timbul kritikan terhadap konsep keselamatan insan. Antaranya ia masih dilihat gagal untuk mengambilalih kedudukan konsep arus perdana keselamatan negara dalam wacana HA. Seperti yang dibuktikan dalam mana-mana krisis di seluruh dunia, kepentingan negara sering digunakan sebagai alasan untuk menolak campurtangan asertif antarabangsa untuk menangani isu-isu kemanusiaan seperti migran di Syria. Walaupun keselamatan insan menawarkan harapan dan aspirasi, *realpolitik* masih menjadi batu penghalang penerimaan paradigma ini dalam wacana HA (Odutayo 2016).

KESELAMATAN INSAN: KONSEP SERUPA PENDEKATAN BERBEZA

Antara negara yang aktif mendokong pelaksanaan konsep keselamatan insan ialah Kanada, Norway dan Jepun. Kanada dan Jepun menggunakan keselamatan insan sebagai sebahagian daripada instrumen dasar luarnya. Pendekatan Jepun lebih kepada model keperluan asas, sebaliknya cuba mengekalkannya sebagai dwi-objektif (Shinoda 2009). Pendekatan yang diambil oleh Jepun ini adalah selari dengan kecenderungan dasar luar Jepun yang memberi tumpuan kepada bantuan berorientasikan pembangunan kepada negara yang memerlukan sebagai alat diplomasinya di peringkat antarabangsa. Dalam erti kata lain, Jepun masih lagi mengekalkan definisi komprehensif mengenai keselamatan insan, yang merangkumi segala aspek ancaman terhadap *survival* manusia, kehidupan seharian dan maruah individu, dan dalam masa yang sama meningkatkan usaha untuk menghadapi ancaman-ancaman tersebut (Sato 2007). Pandangan inilah yang dikongsi sebahagian besar negara-negara membangun khususnya selepas berlakunya krisis ekonomi di rantau Asia Pasifik.

Kanada lebih menekankan kepada model campurtangan yang menjurus kepada aspek 'kebebasan dari ketakutan' terutama melalui aktiviti diplomasi operasi pengaman. Krisis kemanusiaan yang berpunca daripada konflik kekerasan patut dijadikan tumpuan utama perbincangan keselamatan insan, berbanding ancaman yang disebabkan faktor kekurangan pembangunan (Amitav 2001). Oleh kerana itu, perspektif keselamatan insan yang dipelopori oleh Kanada merangkumi bentuk-bentuk pendekatan yang mampu menghalang dan menyelesaikan konflik kekerasan bagi melindungi masyarakat awam ketika berlaku konflik dan juga meningkatkan kemampuan negara bagi melindungi keselamatan penduduknya. Dalam konteks ini, Kanada turut mempertimbangkan tindakan secara paksaan seperti campurtangan kemanusiaan untuk memastikan keselamatan insan walaupun tindakan campurtangan hanyalah merupakan pilihan terakhir untuk menyelesaikan konflik.

Pandangan yang sama turut dikongsi oleh Norway dan beberapa negara Eropah yang membincangkan keselamatan insan. Norway telah mengenal pasti beberapa agenda keselamatan insan utama iaitu tindakan pencegahan, kawalan senjata api ringan dan kecil, dan operasi pengaman.

Kedua-dua negara, iaitu Kanada dan Norway bersependapat bahawa penekanan terhadap usaha melindungi individu (dalam suasana konflik) adalah amat penting untuk menjayakan konsep keselamatan yang baru seperti keselamatan insan. Di atas dasar inilah akhirnya, *Human Security Network* (HSN) atau *Lysøen Group* berjaya menarik penyertaan badan-badan bukan kerajaan dan wakil-wakil kerajaan dari sekitar 13 buah negara termasuk Austria, Kanada, Chile, Greece, Ireland, Jordan, Mali, Netherlands, Slovenia, Switzerland dan Thailand (Alkire 2003).

WACANA KONSEP KESELAMATAN INSAN DI ASIA TENGGARA

Di Asia Tenggara, penerimaan konsep keselamatan menyeluruh menyediakan asas kepada perdebatan konsep keselamatan insan. Ini adalah kerana wujud kesamaan dalam isu yang ditekankan walaupun berbeza cara memahaminya. Kewujudan isu-isu bukan tradisional yang bersifat transnasional di rantau ini memberi ancaman serius kepada keselamatan dan kehidupan individu seperti krisis kewangan Asia 1997-1998, kebakaran hutan di Indonesia (1997-1998), pengeboman di Bali (2002), ancaman wabak *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS) (2003), penyebaran wabak selsema burung (*avian influenza*) (2003-2004), tsunami dari Lautan India yang menimbul kemusnahan teruk terhadap kawasan pantai Indonesia, Thailand dan lain-lain negara Asia Tenggara pada bulan Disember 2004, gempa bumi, banjir, kemusnahan hutan, pemanasan global, penyeludupan dadah, pemerdagangan dan penyeludupan manusia. Kebanyakan isu ini berasal dari sumber yang secara tradisinya bukan menjadi prioriti agenda keselamatan negara tradisional. Keadaan ini telah menyediakan ruang kepada perdebatan tentang kemampuan pendekatan keselamatan tradisional dan keselamatan menyeluruh serta kemampuan ASEAN untuk menanganinya secara efektif (Zarina 2009; Amitav 2001; Caballero-Anthony 2005).


Terdapat dua peristiwa besar yang menarik perhatian umum terhadap pendekatan keselamatan insan di rantau ini. Pertama ialah krisis kewangan Asia 1997-1998, dan kedua, peristiwa tsunami pada tahun 2004. Krisis kewangan yang berlaku menjadi titik perubahan besar menarik perhatian para ilmuan di Asia terhadap konsep keselamatan.

Isu-isu seperti kemiskinan, kekurangan bekalan makanan, kemerosotan kualiti kesihatan dan alam sekitar serta pendidikan boleh menjejaskan pelbagai pihak dalam sebuah negara. Kesan langsung daripada kewujudan isu-isu ini bukan hanya boleh menjejaskan sebuah kerajaan dan negara, bahkan ia boleh merebak dan memberi kesan pada peringkat rantau dan global (Zarina 2009; Caballero-Anthony 2005). Pakej rangsangan yang dihulurkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pula telah ditentang kerana tuntutan tidak munasabah oleh negara Barat untuk mengadakan perubahan sosial dan politik selari dengan budaya dan nilai mereka. Keadaan yang wujud juga telah menyebabkan peningkatan pergerakan penduduk melepasi sempadan negara masing-masing seperti Korea Selatan, Thailand, Indonesia, Malaysia dan Filipina.

Thailand turut menjadikan kepentingan hak asasi sebagai sebahagian daripada objektif dasar luar negaranya dengan mencabar prinsip tidak campurtangan ASEAN supaya ASEAN menerima pendekatan “penglibatan fleksibel”. Oleh kerana idea tersebut diperkenalkan di saat Asia sedang mengharungi kesan krisis kewangan 1997-1998, negara-negara anggota ASEAN mendapati ia bukanlah masa yang sesuai, dan ia dikhuatiri menimbulkan perpecahan. Thailand percaya kemakmuran bergantung kepada pendekatan pembangunan mapan yang bertujuan untuk melindungi alam sekitar, mengurangkan ketidaksamarataan ekonomi dan meluaskan peluang untuk mengecapi kehidupan yang lebih baik. Pada tahun 1999, kerajaan Thailand telah mengeluarkan enakmen Akta Pendidikan Nasional untuk menjamin peluang yang lebih adil dalam sistem pendidikan negara dan memperbaiki taraf

pendidikan dari sudut kemahiran professional, penyelidikan dan pembangunan. Akta Perlindungan Pekerja telah diperkenalkan untuk melindungi dan meningkatkan kebajikan golongan pekerja (Caballero-Anthony 2004).

Kumpulan penyelidikan dari Bangi, Selangor, Malaysia, khususnya yang berpusat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) seterusnya telah mengutarakan kerangka baru yang mewakili penambahan elemen keselamatan sosial dalam senarai lapan ancaman yang telah dikembangkan oleh UNESCO sebelum ini, iaitu elemen keselamatan sosial dengan menggelarkannya sebagai *Bangi Approach to Human Security* (BAGHUS). Walaupun mengakui model yang dicadangkan oleh agensi PBB itu lebih universal, mereka berhujah bahawa BAGHUS adalah lebih sesuai dilaksanakan di rantau Asia Tenggara dengan mengambilkira keunikan dan perbezaan yang wujud di rantau ini khususnya. Masyarakat memerlukan keselamatan sosial yang munasabah, sebagai contoh jaminan dari sudut keselamatan sosial dan ekonomi untuk lebih berdaya maju. Dalam erti kata lain, keselamatan insan di rantau ini mengambilkira keselamatan dari dalam (kebebasan dari ketakutan) dan juga, keperluan terhadap pembangunan manusia untuk memenuhi elemen kebebasan dari kemahuan. Manakala, keselamatan individu pula adalah saling berkait rapat dengan keselamatan komuniti kerana wujud perkaitan yang rapat dalam hubungan individu dan komuniti. Menurut pendekatan BAGHUS juga, dalam konteks keselamatan insan di Asia Tenggara, keselamatan budaya juga memberi tumpuan kepada kesamaan gender, berbeza dengan UNDP yang memberi tumpuan kepada usaha melindungi etnik atau kumpulan minoriti (Rashila et al. 2012).



RAJAH 1: Pendekatan Bangi terhadap Keselamatan Insan
 (Sumber: Rashila et al. 2012:585)

Isu *Acquired Immune Deficiency Syndrome* (AIDS) turut diakui menjadi ancaman kepada Thailand, tetapi juga negara-negara seperti Vietnam, Laos, Cambodia, Myanmar dan Yunnan yang terus menyaksikan peningkatan bilangan mangsa jangkitan dengan hampir 1 juta daripada 6.6 juta mangsa jangkitan HIV/AIDS di Asia Pasifik adalah dari wilayah tersebut. Manakala isu kemasukan pendatang tanpa izin dan pemerdagangan manusia turut menjadi isu keselamatan insan dengan lambakan pendatang dari negara-negara jiran seperti Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam. Kedua-dua isu tersebut menimbulkan masalah yang lebih besar kerana pergerakan individu melepasi sempadan tanpa kawalan juga turut menimbulkan masalah lain seperti pengedaran dadah, pelacuran, penyebaran penyakit, penyeludupan dan lain-lain lagi (Paitoonpong 2006).

Konsep keselamatan insan juga turut menjadi objektif kertas cadangan Thailand supaya ASEAN menerima pendekatan pembangunan yang lebih berorientasikan manusia yang dibahaskan dalam *ASEAN Post-Ministerial Conference* di Manila pada tahun 1998. Antara lain ia dikeluarkan kerana krisis kewangan yang melanda rantau Asia menunjukkan keperluan kepada jaringan keselamatan sosial terutama golongan miskin yang terabai ketika negara menikmati kemajuan. Dalam konteks yang lebih luas, masalah tersebut boleh menjadi ancaman terhadap rantau Asia Tenggara keseluruhannya. Cadangan tersebut telah diterima dengan sedikit pindaan kepada "*ASEAN-PMC Caucus on Social Safety Net*" disebabkan tentangan oleh sesetengah perwakilan negara-negara ASEAN yang tidak selesa dengan beberapa aspek konsep keselamatan insan terutama yang menyentuh isu hak-hak asasi manusia (Zarina 2009).

Menurut Caballero-Anthony (2005), ancaman SARS pada tahun 2003 turut memberi kesan besar kepada perdebatan berhubung dengan isu ancaman terhadap keselamatan insan. SARS telah menjangkiti 8,300 mangsa dan mengakibatkan kehilangan nyawa yang dilaporkan seramai 783 kes di 28 buah negara. Dalam konteks ASEAN, ancaman SARS membuka mata kerajaan dan ahli politik terhadap kegagalan memberi perhatian kepada isu kesihatan yang boleh menjejaskan keselamatan.

Peristiwa serangan pengganas ke atas menara Pusat Dagangan Dunia (WTC) dan Pentagon pada 11 September 2001 (9/11), dan reaksi segera oleh Amerika Syarikat terhadap kumpulan Al-Qaeda di

Afghanistan dan serangan ke atas Iraq berpaksikan slogan "*War on Terrorism*" telah memberi kesan signifikan kepada disiplin ilmiah kajian keselamatan, tumpuan terhadap keselamatan insan dan sokongan terhadap isu-isu hak asasi manusia. Antara tindakan ini memberi kesan kepada keselamatan insan adalah pelaksanaan polisi, penguatkuasaan yang memberikan elit pemerintah kuasa yang besar terhadap orang awam hingga menjejaskan hak asasi sebagai individu dari perspektif keselamatan insan. Manakala, sokongan terhadap isu hak asasi manusia pula dianggap sebagai halangan dalam usaha membanteras keganasan yang memerlukan penguatkuasaan undang-undang yang ketat seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Malaysia. Cadangan mengkaji kewajaran keperluan ISA di Singapura dan Malaysiatelah dipendamkan seketika dengan berlakunya peristiwa 9/11. Dari sudut impak kepada wacana akademik pula, tumpuan kerajaan untuk mengekang ancaman pengganas telah mengakibatkan inisiatif 'memperluas' (*widening*) dan 'memperdalam' (*deepening*) tumpuan bidang kajian keselamatan tergendala kerana dominasi perbincangan yang menghalu kepada kerangka keselamatan tradisional seperti dalam era Perang Dingin (Evan 2004).

Oleh kerana itu, walaupun kerajaan cuba memenuhi keperluan asas penduduk dan memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi yang juga menjadi salah satu teras keselamatan insan, masih terdapat kekurangan khususnya dari sudut isu hak-hak asasi manusia yang menjadi intipati konsep keselamatan insan (Zarina 2009).

Satu perkembangan yang dialu-alukan dalam konteks ASEAN ialah pengenalan *ASEAN Charter* yang dilancarkan secara rasmi pada 15 Disember 2008 oleh negara-negara anggota pertubuhan itu di Jakarta, Indonesia. Dokumen tersebut telah menunjukkan hasil positif negara-negara anggota untuk melahirkan kerangka perlembagaan yang berorientasikan matlamat untuk menjaga kesejahteraan kehidupan dan keselamatan insan. Walaupun perlembagaan tidak menyebut terminologi keselamatan insan secara jelas, terdapat perkembangan besar ditunjukkan dengan kesediaan menjadikan isu demokrasi dan hak asasi manusia sebagai satu komitmen bersama. Artikel 1[7] antara lain menjelaskan "*...to strengthen democracy, enhance good governance and the rule of law, to promote human rights and fundamental freedoms*" (Perlembagaan ASEAN).

Selain itu, perlembagaan ASEAN juga turut menjelaskan komitmen negara-negara anggota untuk menubuhkan badan hak asasi manusia sebagai salah satu organ ASEAN untuk mengurus dan melindungi hak asasi dan kebebasan manusia.

Krisis kemanusiaan yang melanda masyarakat Rohingya di Myanmar boleh dilihat sebagai manifestasi kepada kegagalan negara dalam melindungi keperluan paling asas dalam kehidupan manusia sama ada dari sudut kebebasan dari ketakutan, mahupun kebebasan dari kemahuan. Menurut Trihartono (2018) keganasan antara komuniti di Myanmar yang disertai dengan dasar kerajaan yang bersifat diskriminasi terus meletakkan komuniti Rohingya berisiko menghadapi kekejaman secara sistematik. Oleh itu, krisis Rohingya Myanmar perlu menjadi isu tumpuan kajian mengenai keselamatan insan. Tindakan ASEAN sebagai pertubuhan serantau pula adalah masih terbatas khususnya dalam konteks tindakbalas rantau melalui pendekatan ‘*Responsibility to Protect*’ (RtoP) untuk menangani isu-isu ancaman terhadap keselamatan insan yang serius seperti di Myanmar.

Idea keselamatan insan juga telah mendapat sambutan hangat di peringkat komuniti akademik. Lebih menarik juga, bermula dari tahun 1997 selepas Asia dilanda krisis kewangan, jaringan *Track-Two* di Asia termasuklah ASEAN-ISIS dan *Council for Security Cooperation in the Asia Pacific* (CSCAP) telah mula memasukkan konsep keselamatan insan di dalam terma keselamatan mereka. Di Asia Tenggara, kewujudan badan bukan kerajaan (NGO) dan aktivis seperti *ASEAN People’s Assembly* (APA) yang berkempen supaya agar agenda pembangunan dan keselamatan lebih bersifat “*human centered*” menunjukkan bagaimana aktivis dan organisasi masyarakat sivil (*civil society organisation* (CSO)) transnasional boleh berfungsi sebagai pentas di mana wacana yang membina boleh dibentuk dan disalurkan (Caballero-Anthony 2004).

(i) Isu Keselamatan Insan di Asia Tenggara: Etnik Rohingya di Myanmar

Terkini, ancaman keselamatan yang merencami rantau Asia Tenggara ialah penindasan etnik Rohingya iaitu antara ‘pelarian paling tertindas di dunia’ label yang diberikan oleh media antarabangsa dan pertubuhan hak asasi manusia

bagi menggambarkan ketidaktentuan nasib mereka. Etnik Rohingya telah dinafikan oleh kerajaan Myanmar melalui Undang-undang Kerakyatan 1982 (*Citizenship Act 1982*) yang tidak menyenaraikan etnik Rohingya sebagai salah satu daripada 135 etnik Myanmar. Selain dilucutkan hak kewarganegaraan, etnik Rohingya di Myanmar turut mengalami beberapa kekejaman dan sekatan rejim sepertimana Laporan Human Rights Watch (HRW) bertajuk: *All You Can Do is Pray: Crimes Against Humanity and Ethnic Cleansing of Rohingya Muslims in Burma’s Arakan State*. Laporan ini telah membongkar penglibatan pemimpin rejim Myanmar, pegawai kerajaan Myanmar, pemimpin-pemimpin masyarakat dan sami-sami Buddha Myanmar yang telah menganjurkan dan menggalakkan orang-orang Buddha Myanmar untuk menyerang kampung-kampung orang Islam. Tindakan jenayah yang sangat kejam dan zalim yang mendapat sokongan dan kerjasama tentera dan polis Myanmar ke atas orang-orang Islam adalah untuk memaksa Rohingya meninggalkan Myanmar (Human Right Watch 2013a).

Menurut penolong pengarah HRW Asia, Phil Robertson, rejim Myanmar melakukan penghapusan etnik Rohingya yang masih berterusan hari ini melalui sekatan terhadap bantuan kemanusiaan dan pergerakan. Sebagai lanjutan dari serangan orang-orang Buddha ke atas orang Islam Rohingya pada Jun 2012, pihak berkuasa rejim Myanmar telah memusnahkan masjid-masjid dan melakukan tangkapan ganas terhadap orang Islam Rohingya dan melakukan sekatan bantuan kemanusiaan terhadap pelarian Islam (Human Right Watch 2013a).

Pada 23 Oktober 2012 kumpulan-kumpulan pelampau dan pengganas Buddha dengan bantuan pasukan keselamatan Myanmar seperti polis dan tentera Myanmar telah menyerang orang-orang Islam dalam 9 buah bandar, membakar kampung-kampung orang Islam dan membunuh orang-orang Islam. Sekurang-kurangnya 70 orang Islam Rohingya telah dibunuh dalam pembunuhan beramai-ramai di kampung Yan Thei dalam kawasan bandar Mrauk-U. Mangsa pembunuhan termasuklah 28 kanak-kanak Rohingya yang ditetak di mana 13 orang daripadanya berumur di bawah 5 tahun (Human Right Watch 2013a).

HRW juga telah menemui empat tapak perkuburan besar dalam negeri Arakan – tiga tapak selepas keganasan bulan Jun 2012 dan satu lagi

tapak dari keganasan bulan Oktober 2012. Tapak perkuburan tersebut digunakan oleh pasukan keselamatan Myanmar bagi menghapuskan bukti pembunuhan beramai-ramai dengan menggali kubur-kubur besar untuk menghapuskan bukti jenayah terhadap orang Islam Rohingya (Human Rights Watch 2013b). Sebagai contoh, pada 13 Jun 2012, sebuah lori rejim Myanmar telah menghumban 18 mayat orang Islam Rohingya yang telah dibunuh dengan kejam dalam keadaan berbogel dan kaki dan tangan yang terikat berhampiran sebuah kem pelarian di luar ibu negeri Sittwe. Dengan meninggalkan mayat-mayat berhampiran kem pelarian, tentera Myanmar telah menyampaikan mesej (amaran) kepada orang Islam Rohingya supaya orang Islam Rohingya mesti meninggalkan Myanmar.

Menurut Tun Khin, presiden *The Burmese Rohingya Organisation UK* (BROUK), dari 3 sehingga 28 Jun 2012, pasukan keselamatan Myanmar terdiri daripada tentera dan polis bersama-sama sami Buddha dan pegganas Buddha telah membunuh 650 orang Islam Rohingya tidak termasuk 1,200 orang Rohingya yang masih hilang dan menyebabkan 80,000 orang Rohingya menjadi pelarian (MIZZIMA 2012)

Manakala laporan *Sentinel Project for Genocide Prevention* pula menyebut dari tahun 2013 hingga bulan Mei 2014, rejim Myanmar, tentera, polis dan sami-sami Buddha Myanmar telah melaksanakan satu siri pembunuhan beramai-ramai orang Islam Rohingya secara terancang. Kampung-kampung, sekolah dan masjid telah diserang dan dibakar oleh pegganas-pegganas Buddha yang selalu dibantu dan disokong oleh pasukan keselamatan Myanmar dan 140,000 orang Rohingya telah dipaksa menjadi pelarian di kem-kem pelarian yang merupakan penjara-penjara yang dikawal oleh pasukan keselamatan Myanmar. Semua jenayah kejam rejim Myanmar ini adalah program penghapusan etnik Rohingya secara terancang di Myanmar. Rejim Myanmar telah cuba menggunakan paksaan dan jenayah kemanusiaan untuk menghalau orang Islam Rohingya keluar dari Myanmar (Burma) dan membawa masuk orang Buddha untuk merampas tanah dan harta benda orang Islam Rohingya. Dasar penghapusan etnik Rohingya oleh rejim Myanmar telah menyebabkan lebih dari satu juta orang Islam Rohingya menjadi pelarian di negara asing (Fortify Rights 2015).

Kesan limpahan keganasan ini akhirnya telah turut menjejaskan negara-negara jiran dalam

pertubuhan ASEAN. Usaha tindakbalas secara kolektif melalui pertubuhan itu berdepan dengan cabaran kerana isu kedaulatan dan prinsip tidak campur tangan yang sejak sekian lama menjadi nilai terasnya. Walau bagaimanapun, ia tidak sepatutnya menghalang ASEAN untuk menyediakan saluran melalui Komuniti Keselamatan Politik ASEAN (APSC) untuk membantu Myanmar dalam memenuhi tanggungjawab utamanya untuk menangani isu kekerasan di Rakhine (Trihartono 2018). Kegagalan mengemukakan jalan penyelesaian kepada konflik yang berlaku telah mengakibatkan ASEAN dikritik secara lantang melalui pelbagai forum oleh komuniti antarabangsa (Rohaida et al. 2013; Syed Munir 2017; Gavilan 2017).

(ii) Isu keselamatan insan di Asia Tenggara:
Insiden Lahad Datu di Malaysia

Isu pencerobohan Lahad Datu juga telah memberikan satu kejutan kepada Asia Tenggara kerana ia melibatkan aktor bukan negara dari negara asing, iaitu sekumpulan angkatan bersenjata rakyat Filipina yang mendakwa penyokong kuat Kesultanan Sulu, Jamalul Kiram III yang menceroboh Malaysia. Malah pencerobohan yang melibatkan rakyat Filipina ini turut memberi impak terhadap hubungan diplomatik antara Malaysia dan Filipina. Walau bagaimanapun, dalam hal ini kerajaan Filipina telah menafikan penglibatan mereka malah laporan media Filipina bertindakbalas dengan menyatakan perisikan Filipina mendapati individu dalam pembangkang negara ini adalah dalang kepada isu pencerobohan Lahad Datu (Sinar Harian, 3 Mac 2013).

Presiden Aquino juga mengarahkan 'Sultan Sulu' untuk memanggil semula pengikut mereka untuk menyerah diri bagi membincangkan tuntutan yang dilakukan (Poling, Depadua & Frentasia 2013) Presiden Aquino menyatakan bahawa tindakan yang dilakukan oleh Tentera Kesultanan Sulu (TKS) ini antara lainnya adalah untuk memalukan beliau dan kerajaan pimpinan beliau di samping bersetuju dengan andaian yang menyatakan ianya sebagai satu cubaan untuk merosakkan perjanjian damai yang sedang diusahakan antara Malaysia-Filipina dengan Bangsamoro ketika itu. Tindakan yang dilakukan oleh Kiram ini telah meletakkan kedudukan rakyat Filipina di Sabah ketika itu, termasuk lebih kurang 800,000 orang-Suluk berada dalam keadaan tidak selamat. Dalam hal ini

pihak polis telah dikerahkan pada peringkat awal pencerobohan untuk menanganinya sebelum ianya diambil alih oleh pihak tentera (Khor 2013).

Dalam usaha melindungi keselamatan dan kedaulatan negara, seramai lebih kurang 8,000 anggota keselamatan dikerahkan di bawah misi Ops Daulat. Operasi yang dilakukan juga menahan seramai hampir 600 orang termasuk 31 orang yang telah dibicarakan. Kejadian yang berlaku telah mengorbankan seramai 72 orang di mana 56

daripadanya adalah dari pihak TKS, 10 anggota keselamatan Malaysia dan 6 orang awam (Gomez 2013; Mazwin, Khoo & Vanar 2013). Peristiwa tersebut boleh ditelusuri melalui susunan kronologi seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Paparan kronologi menunjukkan pencerobohan aktor bukan negara rakyat Filipina telah menggugat kedaulatan dan keselamatan negara kerana ia melibatkan kehilangan nyawa dan ketidakselamatan rakyat dan juga negara.

JADUAL 1:Kronologi Peristiwa Lahad Datu, Sabah

Tarikh 2013	Peristiwa
9 Feb	• Kumpulan penceroboh memasuki perairan negara menggunakan bot pancung dan berkumpul secara berperingkat di Felda Sahabat 17, Kampung Tanduo, Lahad Datu.
11 Feb	• Lebih 100 lelaki berpakaian ala tentera dan bersenjata api dikesan berkampung di Kampung Tanduo. Laporan polis dibuat oleh nelayan tempatan yang mengesan kehadiran kumpulan ini pada waktu malam.
12 Feb	• Kumpulan penceroboh berpecah di beberapa lokasi di Kampung Tandou - di kawasan sungai bakau, sebuah surau dan di rumah penduduk tempatan.
14 Feb	• Polis mengenal pasti kumpulan warga Filipina yang mendarat di pesisir pantai Lahad Datu, sebagai pewaris berketurunan 'Raja Sulu'.
16 Feb	• Menteri Dalam Negeri mengesahkan kumpulan tersebut penyokong 'Kesultanan Sulu'.
24 Feb	• Kerajaan Filipina menghantar sebuah kapal untuk membawa pulang 180 'tentera diraja' termasuk 30 pengawal bersenjata.
26 Feb	• Tempoh pengusiran penyokong waris Kesultanan Sulu yang menceroboh di Felda Sahabat 17, Kampung Tanduo, Lahad Datu tamat. Namun, rundingan masih dijalankan.
28 Feb	• Agbimuddin Kiram menggesa Kerajaan Malaysia mengadakan rundingan secara terus dengan abangnya, Jamalul Kiram III di Manila agar 180 'tentera diraja' meninggalkan Felda Sahabat 17.
1 Mac	• Pertempuran tercetus antara pasukan keselamatan dan kumpulan penyokong waris Kesultanan Sulu. • Dua anggota polis terkorban, tiga lagi cedera dan 12 penceroboh terbunuh.
2 Mac	• Pertempuran berlaku di Kampung Sri Jaya, Siminul, Semporna. • Seramai 12 orang terbunuh, termasuk 6 anggota polis Malaysia.
4 Mac	• Presiden Benigno Aquino III berjanji menyelesaikan pencerobohan di Sabah melalui jalan keamanan.
5 Mac	• Pada jam 7 pagi, pasukan keselamatan Malaysia melancarkan serangan ke Kampung Tanduo. Perdana Menteri mengumumkan 'Ops Daulat' bagi menjaga maruah dan kedaulatan negara.
6 Mac	• 13 mayat penceroboh ditemui di Kampung Tanduo. Sembilan daripada mayat ditemui dalam sebuah kubur. • Empat lelaki ditahan dipercayai mempunyai kaitan dengan kumpulan penceroboh di Kampung Sri Jaya Siminul, Semporna.
7 Mac	• Jamalul Kiram III mengumumkan gencatan senjata. Namun, Perdana Menteri Malaysia menolak gesaan gencatan senjata dan penceroboh meletakkan senjata tanpa syarat. • Perdana Menteri juga mengumumkan pembentukan sebuah kawasan keselamatan meliputi wilayah pantai timur Sabah dari Kudat ke Tawau. • Seramai 52 orang penceroboh terbunuh.
8 Mac	• Lebih 50 orang ditahan mengikut Akta Kesalahan Keselamatan 2012.
9 Mac	• Seorang penceroboh ditembak mati pada jam 8 pagi. • Pasukan keselamatan menahan seramai 27 suspek. • Jamalul Kiram III meminta diadakan 'perbincangan' tetapi tawaran ini ditolak. • Seramai 53 orang penceroboh ditembak mati dan 79 suspek ditangkap.

-
- 10 Mac • Seorang remaja lelaki ditembak mati dan seorang lelaki dewasa cedera.
• Di Semporna, enam orang ditahan dalam dua kejadian yang berasingan.
• Di Tanjung Batu, dua anggota pasukan keselamatan telah cedera.
 - 11 Mac • Gerakan operasi ‘*mopping-out*’ giat diperhebat di kawasan Kampung Tanjung Batu dan Sungai Bilis.
• Seramai 54 penceroboh Sulu telah terbunuh, 97 orang telah ditahan.
 - 12 Mac • Seorang tentera Malaysia terkorban dan tiga penceroboh ditembak mati.
 - 13 Mac • Pesuruhjaya Polis Sabah percaya ketua kumpulan penceroboh militan Agbimuddin Kiram masih terkepung di kawasan operasi.
• Dua mayat penceroboh ditemui.
• Angkatan Tentera Malaysia (ATM) membawa masuk helikopter dari Pasukan Udara Tentera Darat dan 12 kereta perisai.
 - 14 Mac • Seorang lelaki ditahan bersama dua bilah pedang samurai serta tiga parang panjang.
• Seramai 35 pengikut waris Jamalul Kiram III ditahan di Filipina.
• Malaysia bercadang menubuhkan Suruhanjaya Diraja (RCI) atau membuka kertas putih bagi menyiasat.
• Kementerian Pertahanan Malaysia kini menjaga perairan timur Sabah yang sebelum ini di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri (JPM).
 - 15 Mac • Ketua kumpulan penceroboh, Azzimudie Kiram dipercayai telah melarikan ke tempat asalnya di Selatan Filipina.
• Anggota keselamatan menjumpai tiga kubur baru di Kampung Tanduo yang mengandungi 15 mayat.
• 61 orang penceroboh telah ditembak mati oleh pihak berkuasa Malaysia
 - 16 Mac • *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) ditubuhkan segera bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.
• Anggota keselamatan telah menahan seorang lelaki yang dipercayai penceroboh warga Filipina pengikut waris Kesultanan Sulu di kawasan Felda Sahabat 17.
 - 17 Mac • Anggota keselamatan telah ditembak mati oleh pengikut Jamalul Kiram III.
• Seramai 104 orang telah ditahan dibawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) manakala 241 orang lagi telah ditahan.
 - 18 Mac • Pasukan keselamatan telah bertempur dengan saki baki penceroboh Sulu di kampung Tanjung Batu, Felda Sahabat 22.
• Sebanyak 17 kenderaan perisai jenis ‘*armoured personnel carrier*’ (APC Adnan) telah dihantar ke Lahad Datu bersama 17 trak tentera yang dipenuhi anggota tentera.
• Seramai 104 orang musuh berjaya ditangkap dan sejumlah 62 lagi telah ditembak mati. Ops Daulat telah mengorbankan sembilan anggota keselamatan negara, dan sembilan lagi mengalami kecederaan.
 - 20 Mac • Satu mayat musuh telah ditemui.
• Seorang anggota ATM tercedera.
 - 21 Mac • Seorang musuh berjaya dibunuh dan seorang wanita ditangkap.
• Lapan warga Filipina berdepan dengan hukuman mati dan penjara seumur hidup kerana melancarkan perang ke atas Yang di-Pertuan Agong dan menjadi ahli kumpulan penceroboh.
 - 22 Mac • Jumlah penceroboh yang ditewaskan ialah seramai 63 orang. Jumlah anggota keselamatan negara yang gugur pula seramai 10 orang.
-

Sumber: Zarina et al. (2016: 150-151).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, walaupun konsep keselamatan insan kurang disenangi oleh sesetengah pihak dan penerimaan terhadapnya adalah agak perlahan, dari sudut lain, terdapat indikator yang menunjukkan bahawa ia telah diterima secara tidak langsung oleh negara-negara serantau. Sebagai contoh, tindakan

negara-negara di rantau Asia Tenggara memberi keutamaan kepada keselamatan negara melalui penggunaan doktrin ‘keselamatan komprehensif’ mengakibatkan secara tidak langsung isu-isu bukan tradisional yang digagaskan konsep keselamatan insan turut diberikan perhatian oleh para pembuat dasar. Sebaliknya, konsep keselamatan insan

telah mendapat sambutan baik di peringkat akar umbi melalui peranan aktivis-aktivis sosial dan organisasi masyarakat sivil memperjuangkan isu-isu yang selari dengan objektif keselamatan insan. Pendekatan BAGHUS oleh kumpulan penyelidik dari Bangi, Malaysia pula adalah mewakili cetusan idea kritis dalam mencari pendekatan alternatif bagi membolehkan konsep keselamatan insan disesuaikan dengan keperluan masyarakat di rantau Asia Tenggara.

PENGHARGAAN

Kumpulan Penyelidikan UKM: GUP-2016-031

NOTA Hujung

- ¹ Perang Dingin (1945–1991) adalah satu istilah yang merujuk kepada era konflik politik dan ketenteraan antara blok Barat yang dipimpin oleh Amerika Syarikat bersama negara-negara sekutu dalam pakatan NATO dan blok Komunis yang dipimpin oleh Kesatuan Soviet, bersama negara-negara sekutu dalam pakatan Warsaw. Keruntuhan tembok Berlin yang memisahkan antara Jerman Barat dan Timur pada tahun 1989 dan perpecahan Kesatuan Soviet telah menandakan berakhirnya era Perang Dingin, dan seterusnya membolehkan Amerika Syarikat muncul sebagai sebuah negara kuasa besar dunia.

RUJUKAN

- Alkire, S. (2003) Concepts of Human Security. Dlm. Chen, L., Fukuda-Parr, S. & Seidensticker, E. (eds.) *Human Insecurity in a Global World* (hlm.15-40). Cambridge: Harvard University Press (hlm.15–40).
- Amitav, A. (2001). Human Security: East Versus West. *International Journal* 56(3): 442-460.
- Behnassi, M. (2017). Climate Security as a Framework for Climate Policy and Governance. Dlm. *Environmental Change and Human Security in Africa and the Middle East*, disunting oleh M. Behnassi & K. McGlade, 3-24. Switzerland: Springer International Publishing.
- Buzan, B. (1991). New Patterns of Global Security in the Twenty-First Century. *International Affairs* 67(3): 431-451
- Caballero-Anthony, M. (2004). Revisioning Human Security in Southeast Asia. *Asian Perspective* 28(3): 155-189.
- Caballero-Anthony, M. (2005). SARS in Asia: Crisis, Vulnerabilities, and Regional Responses. *Asian Survey* 45(3): 475-495.
- Evans, P. M. (2004). Human Security and East Asia: In the Beginning. *Journal of East Asian Studies* 4 (2): 263-284
- Fortify Rights. (2015). Persecution of the Rohingya Muslims: Is Genocide Occurring in Myanmar's Rakhine State? http://www.fortifyrights.org/downloads/Yale_Persecution_of_the_Rohingya_October_2015.pdf Tarikh capaian: 10 Februari 2017.
- Gavilan, J. (2017). *ASEAN's Deafening Silence on Human Rights Violations*. YaleGlobal Online (13 November 2017). <https://yaleglobal.yale.edu/content/rappler-aseans-deafening-silence-human-rights-violations> Tarikh capaian: 10 Januari 2018.
- Gomez, J. (2013). Six Police, Seven Assailants Killed Amid Malaysian Siege. *US News*. 3 Mac. <http://www.usnews.com/news/world/articles/2013/03/03/5-police-2-assailants-killed-amid-malaysian-siege> Tarikh capaian: 10 Februari 2017.
- Human Rights Watch. (2013a). *All You Can Do is Pray: Crimes Against Humanity and Ethnic Cleansing of Rohingya Muslims in Burma's Arakan State*. 22 April 2013. <http://www.refworld.org/docid/518230524.html> Tarikh capaian: 10 Februari 2017.
- Human Rights Watch. (2013b). Burma: End 'Ethnic Cleansing' of Rohingya Muslims Unpunished Crimes Against Humanity, Humanitarian Crisis in Arakan State. 22 April. <https://www.hrw.org/news/2013/04/22/burma-end-ethnic-cleansing-rohingya-muslims>. Tarikh capaian: 10 Februari 2017.
- Jackson, R. & Sørensen, G. (2013). *Introduction to International Relations*. Oxford: Oxford University Press
- Khor, Y. L. (2013). The Sabah - Sulu Crisis Threatens the Palm Oil Supply - Chain. *ISEAS Perspective* (12/2013): 1-7.
- Mack, A. (2004). A Signifier of Shared Values. *Security Dialogue* 35(3): 366-367.
- Mazwin Nik Anis, Khoo, S. & Vanar, M. (2013). Lahad Datu: PM Confirms Two Commandos Killed: Regrets Bloodshed. *The Star Online*. 1 Mac. <http://www.thestar.com.my/news/nation/2013/03/01/lahad-datu-pm-confirms>

- two-commandos-killed-regrets-bloodshed/ Tarikh capaian: 1 Mac 2013.
- MIZZIMA. (2012). British Lawmakers Hear Testimony on Rakhine State Unrest. 28 Jun 2012. <http://archive-2.mizzima.com/news/world/7408-british-lawmakers-hear-testimony-on-rakhine-state-unrest.html> Tarikh capaian: 19 Mac 2016.
- Nishikawa, Y. (2009). Human Security in Southeast Asia: Viable Solution or Empty Slogan?. *Security Dialogue* 40(2): 213-236.
- Nor Azizan Idris, Zarina Othman & Rashila Ramli. (2011). Konstruktivisme Sosial dan Hubungan Antarabangsa Malaysia. *Akademika* 81(1): 39-50
- Odutayo, A. (2016). Human security and the international refugee crisis. *Journal of Global Ethics* 12(3), 365-379. DOI: 10.1080/17449626.2016.1251484
- Okubo, S. (2011). Globalization, Human Security, and the Right to Live in Peace. Dlm. *Human Security, Transnational Crime and Human Trafficking: Asian and Western Perspectives*, disunting oleh S. **Okubo** & L. Shelley, 9-35. London: Routledge.
- Paitoonpong, S. (2006). Thailand's Cross-Border Trade in the Greater Mekong Subregion: Some Issues Never Solved. *TDR Quarterly Review* (March 2006), 21(1), 11-19. www.tdri.or.th/library/quarterly/text/m06_3.pdf Tarikh capaian: 10 Februari 2017.
- Parnini, S.N. (2013). The Crisis of the Rohingya as a Muslim Minority in Myanmar and Bilateral Relations with Bangladesh, *Journal of Muslim Minority Affairs* 33(2):281-297. DOI: 10.1080/13602004.2013.826453
- Poling, G., Depadua, P. & Frentasia, J. (2013). *The Royal Army of Sulu Invades Malaysia*. Center for Strategic and International Studies: Strategic Insights and Bipartisan Policy.
- Rashila Ramli, Zarina Othman, Nor Azizan Idris & Sity Daud. (2012). Towards a Modified Approach to Human Security in Southeast Asia - A Perspective from Bangi. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 20(3): 577-588.
- Rummel, R. J. (1994). *Death by Government*. New Brunswick, New Jersey: Transaction Publishers
- Sato, M. (2007). Human Security and Japanese Diplomacy: Debates on the Role of Human Security in Japanese Policy. Dlm. *Protecting Human Security in a Post 9/11 World: Critical and Global Insights*, disunting oleh G. Shani, M. Sato & Mustapha Kamal Pasha, 83-96. London: Palgrave Macmillan.
- Shinoda, H. (2009). Human Security Initiatives of Japan. Dlm. *Facing Global Environmental Change: Environmental, Human, Energy, Food, Health and Water Security Concepts*, disunting oleh Gunter Brauch, H., Spring, U.O., Grin, J., Mesjasz, C., Kameri-Mbote, P., Behera, N.C., Chourou, B. & Krummenacher, H., 1097-1104. Berlin & Heidelberg: Springer.
- Sinar Harian Online. (2013). Isu Lahad Datu Jeffrey Kitingan Nafi Terlibat. 13 Mac 2013. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/isu-lahad-datu-jeffrey-kitingan-nafi-terlibat-1.136093> Tarikh capaian: 10 Februari 2017.
- Syed Munir Khasru. (2017). ASEAN and the worsening Rohingya crisis. The Japan Times (Feb 2, 2017). <https://www.japantimes.co.jp/opinion/2017/02/02/commentary/world-commentary/asean-worsening-rohingya-crisis/#.WobX2ucRWM8> Tarikh capaian: 10 Januari 2018.
- Trihartono, A. (2018). Myanmar's Worsening Rohingya Crisis: A Call for Responsibility to Protect and ASEAN's Response. Dlm. *Sustainable Future for Human Security: Society, Cities and Governance*, disunting oleh B. McLellan, 3-17. Singapura: Springer.
- UNDP. (1994). *Human Development Report 1994*. New York: Oxford University Press
- Zarina Othman, Mohd Kamal Omar, Firdaus Abdul Jabar & Nor Azizan Idris (2016). Memelihara keselamatan Negara Malaysia: Peristiwa Lahad Datu, Sabah. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space* 12(7): 147-159.
- Zarina Othman. (2009). Human Security Concepts, Approaches and Debates in Southeast Asia. Dlm. *Facing Global Environmental Change: Environmental, Human, Energy, Food, Health and Water Security Concepts*, disunting oleh Gunter Brauch, H., Spring, U.O., Grin, J., Mesjasz, C., Kameri-Mbote, P., Behera, N.C., Chourou, B. & Krummenacher, H., 1037-1048. Berlin-Heidelberg-New York: Springer-Verlag.

Bakri Mat
Pusat Pengajian Antarabangsa
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Hubungan
Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman
Malaysia
E-mail: bakri@uum.edu.my

Zarina Othman
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: zaiiothman02@gmail.com

Mohd Kamal Omar (corresponding author)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: mohdkamal_omar@ukm.edu.my

Received: 29 August 2016

Accepted: 15 March 2018

